



LAWAT...Hishammuddin (dua dari kanan) turun padang melawat peniaga di sekitar Chow Kit, semalam.

>>Oleh Iskandar Shah  
Mohamed

iskandar@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Dalam Negeri (KDN) semalam mengisyiharkan perang habis-habisan menentang ceti haram atau along yang semakin mengganas sehingga sanggup mencederakan peminjam termasuk menggugut ahli keluarga yang tidak berdosa untuk menuntut hutang.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata pihaknya memberi amaran keras dan akan menegakkan tindakan lebih tegas terhadap golongan yang bertindak rakus dan tidak berperikemanusiaan itu.

"Perbuatan along tidak dapat diterima sama sekali dan perlu dihentikan segera kerana mereka dianggap semakin ketekunan dengan mengenakan kadar faedah atau 'bunga' amaran tinggi kepada peminjam."

"Seperti contohnya mangsa n hanya meminjam RM5,000 namun jumlah bunga perlu dibayar masing-masing sebanyak RM35,000 sekali gus membebani peminjam."

"Berikutnya itu, mereka mula bertindak ganas dengan menyeksa peminjam termasuk mengganggu ke-

# Isytihar perangi along

Hishammuddin beri amaran keras

hidupan keluarga mangsa semata-mata kerana hanya mahu menuntut hutang," katanya pada sidang media selepas melakukan lawatan selama lebih sejam di sekitar Pasar Chow Kit dan Lorong Haji Taib, di sini, semalam. Turut hadir Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ahmad Fuad Ismail dan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Muhammad Sabtu Osman.

Hishammuddin semalam turut berkesempatan mene-mui tujuh mangsa along bagi membincangkan masalah

dan pengalaman berhadapan golongan terbabit.

Beliau berkata, individu yang meminjam wang daripada along rata-ratanya menggunakan untuk berjudi selain urusan perniagaan dan menampung perbelanjaan membeli dadah.

"Berikutnya itu, kementerian saya akan cuba mengetahui pasti beberapa faktor permasalahan itu antaranya jumlah mangsa dan kawasan paling banyak terbabit dengan kegiatan berkenaan," katanya.